

KEPERLUAN SURAT KONSULAT : PEMBUKTIAN PERMOHONAN PENGESAHAN NIKAH DI MAHKAMAH SYARIAH

Mohamad Azhan Yahya
Pensyarah Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
Email: azhan@ukm.edu.my.

Lukman Abdul Mutalib
Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.
Email: lukman@usim.edu.my

Hamad Mohd Dahalan
Pensyarah Fakulti Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
Email: hamad@kuis.edu.my

Abstrak

Setiap pasangan yang berkahwin di luar negara kebanyakannya tidak memohon kebenaran terlebih dahulu untuk berkahwin. Terdapat pelbagai bentuk syarat yang diminta oleh Hakim bagi membolehkan pasangan ini membuktikan telah berlakunya perkahwinan tersebut di luar negara mengikut Hukum Syarak semasa proses permohonan pengesahan pernikahan di Mahkamah Syariah seperti menyediakan surat konsulat, saksi-saksi dan passport perjalanan ke luar negara. Walaubagaimanapun, pendekatan yang berlainan diambil oleh hakim dalam mensabitkan pernikahan tersebut. Artikel ini akan membincangkan mengenai keperluan surat konsulat dalam pembuktian permohonan pengesahan nikah di mahkamah Syariah bagi perkahwinan di luar negara yang dilakukan tanpa kebenaran. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mana menggunakan pendekatan kajian perpustakaan, kajian analisis kandungan dan kritis serta kaedah temubual pengamal undang-undang Syariah bagi menambah nilai hasil dapatan kajian. Artikel ini akan melihat dari sudut penerimaan keterangan berbentuk kesaksian dan dokumen (surat pengesahan konsulat) sebagai satu kaedah pembuktian yang diambil dalam mensabitkan penikahan dan pelaksanaannya menurut peruntukan undang-undang substantif. Seterusnya mencadangkan beberapa cadangan dalam artikel ini berkaitan isu terbabit. Dapatkan awal artikel ini menunjukkan bahawa, terdapat perbezaan bagaimana hakim boleh menerima sesuatu keterangan yang dikemukakan dalam isu permohonan pengesahan nikah kerana tiada Prosedur Operasi Standardad (SOP) dalam menerima keterangan-keterangan permohonan pengesahan nikah tersebut.

Kata kunci: Surat Konsulat, Pengesahan Nikah, Syahadah, Dokumen, Uruf

1. Pengenalan

Perkahwinan menurut pengertian Syara' iaitu suatu *aqad* yang mengharuskan seseorang lelaki melakukan hubungan jenis dengan seorang perempuan dengan syarat perempuan berkenaan bukan mahram kepada lelaki tersebut seperti mempunyai hubungan keturunan, susuan dan ikatan perkahwinan (Mat Saat,Mohamad Som, Abdul Basir, 2006).

Allah S.W.T. telah berfirman (surah al Nisa', ayat 3) yang bermaksud:

".....maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan".

Dalam Hadis Rasulullah S.A.W:

"Wahai para pemuda, sesiapa di antara kamu mampu memikul tanggungjawab perkahwinan, hendaklah dia kahwin. Sesungguhnya perkahwinan itu menahan pandangan

dan memelihara kemaluan (kesucian). Dan bagi sesiapa yang tidak mampu (berkahwin) maka hendaklah dia berpuasa kerana puasa akan menahan nafsunya”

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa prosedur perkahwinan yang telah digazetkan di dalam undang-undang kekeluargaan Islam di Malaysia. Antara prosedur tersebut adalah menetapkan permulaan bagi setiap perkahwinan adalah melalui permohonan kebenaran pihak-pihak (pengantin lelaki dan pengantin perempuan) untuk berkahwin di Pejabat Agama Islam di mana tempat pihak pengantin perempuan itu bermastautin (*Noraini, 2007*). Sebaik sahaja perkahwinan ini diadakan mengikut masa dan tarikh seperti yang dimohon melalui borang permohonan itu, maka perkahwinan ini akan didaftarkan dan seterusnya surat perakuan nikah yang mengandungi perakuan takliq kepada kedua-dua pihak dalam perkahwinan itu akan dikeluarkan. Ini bermakna setiap individu yang ingin mengadakan perkahwinan perlulah membuat permohonan untuk berkahwin dan seterusnya mendaftarkan perkahwinan mereka.

Oleh yang demikian, bagi mana-mana individu yang berkahwin dengan tidak mengikuti peraturan yang ditetapkan sedemikian tidak boleh untuk mendaftarkan perkahwinan mereka. Sekiranya, mereka yang berkahwin ini tidak berjaya mendaftarkan perkahwinan mereka menurut peruntukan undang-undang kekeluargaan Islam di Malaysia, maka surat perakuan nikah tidak akan dikeluarkan oleh Pejabat Agama Islam Negeri. Kesannya, anak-anak daripada hasil perkahwinan mereka tidak boleh dibinkan dengan nama bapa sebaliknya dibinkan dengan nama “Abdullah”, terdapat juga kesulitan yang timbul sewaktu pendaftaran bagi kemudahan persekolahan dan hospital dan juga menyebabkan timbulnya kekeliruan dalam proses menuntut hak harta pusaka akibat gagal membuktikan nasab atau waris. Sungguhpun begitu, pihak-pihak masih lagi berpeluang untuk mendaftarkan perkahwinan yang berlaku tanpa kebenaran tersebut melalui perintah mahkamah setelah pihak-pihak berjaya mengemukakan keterangan yang memuaskan hati mahkamah bahawa perkahwinan tersebut berlaku mengikut Hukum Syarak.

Namun begitu, disamping keperluan untuk mempermudahkan aspek pendaftaran perkahwinan, pihak jabatan agama Islam, Majlis Agama Islam dan Jabatan Kehakiman perlu memperhalusi kebolehterimaan pembuktian bagi perkahwinan di luar negara dalam peruntukan undang-undang di bawah enakmen keterangan negeri. Kesannya aspek ini perlu diperkemaskan demi keadilan dalam mengeluarkan sabitan atau perintah oleh hakim supaya tidak memberikan perintah yang tidak seragam berdasarkan keterangan yang dikemukakan bagi mengelakkan keputusan perintah tersebut dipertikaikan oleh masyarakat.

Walaupun terdapat peruntukan berkaitan membenarkan pendaftaran perkahwinan di luar negara yang dibuat tanpa kebenaran, namun ia tidak cukup jelas lagi sekiranya Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam menerima keterangan bagi perkahwinan yang berlaku di luar negara tanpa kebenaran tidak dimasukkan dan diperincikan di dalam peruntukan undang-undang. Keperluan kepada Prosedur Operasi Standard ini diperlukan berikutan terdapatnya sesetengah mahkamah boleh menerima keterangan dengan hanya berpandukan kepada keterangan berbentuk dokumen pengesahan dari konsulat bahawa perkahwinan tersebut berlaku mengikut Hukum Syarak dan seterusnya memerintahkan perkahwinan ini didaftarkan, namun terdapat mahkamah yang mengambil pendekatan berlainan.

Pendekatan yang berlainan ini diambil oleh para hakim dalam penentuan sabitan sahnya nikah kerana bergantung kepada keterangan pihak-pihak serta *ijtihad* para hakim yang membuat keputusan (*Ahmad Basyir, 2016*). Namun, soal perkahwinan tidak boleh diambil

mudah kerana kesannya melibatkan hukum yang berlainan kepada isu-isu lain seperti nasab, harta pusaka dan hak-hak perceraian. Oleh itu, artikel ini membincangkan keperluan surat konsulat dalam permohonan pengesahan nikah di Mahkamah Syariah.

2. Objektif dan Metodologi Kajian

Artikel ini menggariskan tiga objektif sebagai matlamat utama kajian, pertama, mengkaji pelaksanaan berkaitan proses pendaftaran dan pembuktian kes pernikahan tanpa kebenaran di luar negara di Mahkamah Syariah, Kedua, mengenal pasti kelompongan yang ada dalam pelaksanaan terbabit. Ketiga, mencadangkan penambahbaikan terhadap pelaksanaan tersebut. Pada peringkat awal artikel ini memperlihatkan bahawa terdapat pendekatan penerimaan bentuk keterangan yang berbeza diambil oleh para hakim dalam mensabitkan permohonan pengesahan nikah di Mahkamah Syariah. Pendekatan yang berbeza ini berlaku kerana tiada prosedur operasi standard (SOP) yang tetap dalam penentuan sabitan pengesahan pernikahan bagi pihak-pihak yang berkahwin di luar negara tanpa kebenaran.

Kaedah metodologi yang dipilih dalam membuat artikel ini telah dipilih secara berhati-hati dan teratur. Secara umumnya, artikel ini merupakan satu kajian yang berbentuk kualitatif. Oleh yang demikian kaedah menganalisis secara kandungan dan kritis, serta temubual dengan pengamal undang-undang Syariah telah digunakan dalam menghasilkan artikel ini. Kaedah menganalisis data secara kandungan diguna pakai dalam mengenal pasti dan mendapatkan data-data berkaitan proses permohonan pengesahan nikah dan pembuktian mengikut keterangan Islam. Kemudian, setelah data-data ini diperolehi, maka penggunaan kaedah menganalisis secara kritis digunakan bagi mendapatkan hasil dapatan yang lebih kritis. Manakala kaedah temubual digunakan sewaktu mendapatkan data daripada pengamal undang-undang syariah seperti peguam syarie dan hakim syarie. Data-data yang diperolehi daripada mereka adalah berkaitan dengan pelaksanaan proses untuk membuktikan permohonan pengesahan nikah di Mahkamah Syariah.

3. Pernikahan dalam Islam

Islam mensyariatkan perkahwinan sepetimana yang dinyatakan di dalam dalil al-Quran dan al-Hadis serta begitu juga dengan *ijma'* para ulama'. Untuk menjadikan sesuatu perkahwinan itu sah menurut Hukum Syarak, ia hendaklah memenuhi kesemua rukun-rukun dan syarat-syarat perkahwinan. Untuk itu, antara syarat dan rukun-rukun yang perlu dipenuhi adalah seperti yang berikut (*Mohamad Som, 2006. Wahbah Zuhaili*) :-

a) *Sighah (Ijab dan Qabul)*

Ijab merupakan lafadz *aqad* yang dibuat oleh wali, atau sesiapa sahaja yang menggantikannya seperti wakil manakala *qabul* iaitu lafadz yang menunjukkan kesediaan dan keredhaan yang lahir daripada pihak suami

- b) Bakal suami.
- c) Bakal isteri.
- d) Wali.
- e) Saksi

Syarat-syarat tersebut telah ditetapkan dalam Islam untuk dipenuhi oleh pengantin lelaki dan perempuan agar perkahwinan mereka berlaku mengikut Hukum Syarak. Walaupun terdapat perbezaan di kalangan para ulama, namun hampir keseluruhan menetapkan bahawa terdapat lima syarat atau rukun pernikahan iaitu *sighah* atau *akad* (mengandungi *ijab* dan *qabul*),

pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali dan dua orang saksi. Sekiranya perkahwinan itu tidak memenuhi syarat atau rukun yang dinyatakan tadi boleh mengakibatkan perkahwinan tersebut disabitkan sebagai tidak sah di sisi Islam. Setiap orang yang beragama Islam di Malaysia perlu untuk mendaftarkan perkahwinan mereka. Arahan untuk mendaftarkan perkahwinan ini dibuat dengan bertujuan untuk memudahkan proses-proses permohonan atau tuntutan untuk mendapatkan sesuatu hak dan kemudahan yang timbul berkaitan dengan berlakunya perkahwinan tersebut seperti proses permohonan harta pusaka, nafkah anak, nafkah isteri, kemudahan kesihatan di hospital, kemudahan persekolahan, tuntutan harta sepencarian dan permohonan perceraian (*Wahid Hashim,2016*).

Sungguhpun begitu, terdapat sesetengah pihak yang memilih untuk tidak mematuhi peraturan pendaftaran perkahwinan yang ditetapkan dengan alasan-alasan tertentu seperti keluarga tidak merestui perkahwinan, tidak layak untuk berpoligami menurut undang-undang Islam di Malaysia dan sikap individu yang mengambil cara mudah untuk melindungi amalan perkahwinan berpoligami daripada isteri-isterinya yang lain (*Nuaim Majemi,2016*). Akhirnya mereka memilih jalan keluar daripada ketetapan undang-undang tersebut dengan mengadakan pernikahan di luar negara tanpa kebenaran. Namun akhirnya rata-rata di antara mereka perlu untuk berhadapan dengan proses permohonan pengesahan nikah di Mahkamah Syariah kerana timbul kesusahan dan kesukaran dalam membuat tuntutan dan permohonan yang dinyatakan sebelum ini. Oleh yang demikian pihak-pihak ini perlu untuk membuktikan bahawa perkahwinan mereka ini telah diadakan mengikut Hukum Syarak dengan mengemukakan pembuktian bahawa terdapatnya lima syarat atau rukun nikah iaitu akad, pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali dan dua orang saksi. Setiap satu rukun tersebut juga mempunyai syarat-syarat yang tertentu. Syarat-syarat ini juga perlu dipenuhi oleh setiap rukun supaya sesuatu akad perkahwinan itu menjadi sah dan sempurna.

Sesuatu perkahwinan akan menjadi sah sebaik sahaja berlaku *ijab* iaitu lafaz atau aqad yang dibuat oleh wali atau sesiapa sahaja yang menggantikannya seperti wakil dan adanya penerimaan (*qabul*), lafaz yang menunjukkan kesediaan dan keredhaan yang lahir daripada pihak bakal suami. Dalam *ijab* dab *qabul* terikat dengan syarat bahawa hendaklah lafaz akad perkahwinan tersebut dibuat dengan jelas(maksud dan lafaz boleh didengari dan difahami), dilakukan secara berturut-turut, terdapatnya lafaz terhadap individu tertentu dan bukannya secara umum dan dibuat dalam Bahasa Arab ataupun dalam Bahasa yang difahami oleh masyarakat setempat. Ulama juga menetapkan syarat-syarat bagi pengantin lelaki hendaklah seorang yang bergama Islam, bukan daripada mahram bakal isterinya (bakal isteri bukanlah daripada golongan yang diharamkan untuk dikahwininya), tidak dipaksa atau rela hati, tiada halangan terhadap isteri yang dikahwininya dan tidak mempunyai empat orang isteri. Begitu juga dengan pengantin perempuan, beberapa syarat juga perlu dipenuhi iaitu bukanlah daripada perempuan yang diharamkan untuk berkahwin dan juga tidak terdapat halangan kepada perempuan tersebut untuk dikahwini seperti isteri lelaki lain dan perempuan tersebut masih lagi berada dalam tempoh iddah (*Mat Saat,2011*).

Rukun seterusnya adalah wali kepada nikah. Menurut *Jumhur Fuqaha'* bahawa sesuatu perkahwinan adalah tidak sah tanpa wali, seperti yang dinyatakan dalam Al-quran. Allah S.W.T telah berfirman dalam surah al-Baqarah, ayat 232 bermaksud :

"Maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka".

Secara umum, syarat wali dalam pernikahan Islam adalah seperti wali tersebut beragama Islam, seorang lelaki, baligh, tidak dipaksa (rela), tidak dalam berihram atau mengerjakan haji, tidak fasiq dan tidak cacat akal. Terdapat beberapa kategori wali seperti wali mujbir, wali aqrab (wali dekat), wali ab'ad (wali jauh) dan wali raja (hakim). Wali dalam pernikahan akan kekal, walaubagaimanapun dalam situasi yang tertentu, perwalian tersebut boleh berpindah daripada wali mujbir kepada wali aqrab atau wali ab'ad atau wali raja seperti apabila wali aqrab belum baligh, gila, cacat akal fikiran, meninggal dunia, murtad dan hilang. Bagi perpindahan wali kepada wali raja boleh berlaku sekiranya ketiadaan wali nasab, kematian wali nasab, wali akrab masuk penjara, wali akrab sedang dalam ihram, wali akrab enggan dan bersembunyi daripada menjadi wali dan wali nasab berada jauh dalam sekitar lebih daripada dua marhalah (96 km) (*Mohd Radzuan, 2006*).

Mazhab Fiqh bersepakat bahawa kesaksian merupakan syarat utama menjadikan sesuatu perkahwinan itu sah. Oleh yang demikian, sesuatu perkahwinan adalah tidak sah sekiranya ia dilakukan tanpa dua (2) orang saksi, selain wali.

Dalil daripada Hadis Rasulullah S.A.W diriwayatkan oleh Aisyah :

“Tiada perkahwinan kecuali dengan wali dan 2 orang saksi yang adil”.

Al-Daruqutni meriwayatkan daripada Aisyah :

“Empat perkara mesti wujud dalam perkahwinan; wali, pengantin dan dua orang saksi”.

Saksi-saksi tersebut hendaklah memenuhi syarat-syarat sebagai seorang saksi iaitu merdeka, lelaki, adil, mampu mendengar dan melihat dan bukan wali bagi perempuan yang disaksikannya (*Wahbah Zuhaili*). Ini menunjukkan bahawa perkahwinan mensyaratkan keperluan kepada kesaksian dua orang saksi dan terdapat beberapa syarat lain juga yang perlu dipenuhi dalam kesaksian ini seperti beragama Islam, lelaki, berakal dan baligh, adil, mendengar dan melihat

Setiap perkahwinan perlu untuk memenuhi syarat atau rukun pernikahan yang telah digariskan di dalam Islam. Oleh yang demikian artikel ini mendapatkan bahawa untuk membuktikan suatu perkahwinan itu berlaku mengikut Hukum Syarak, maka pihak-pihak yang telah berkahwin di luar negara tanpa kebenaran perlulah membawa keterangan-keterangan yang dapat membuktikan kelima-lima rukun itu telah dipenuhi.

4. Proses Perkahwinan di Luar Negara Menurut Peruntukan Undang-undang Malaysia

Undang-undang Islam membenarkan perkahwinan untuk diadakan di mana-mana tempat dengan syarat segala rukun-rukun pernikahan itu dipenuhi dan dipatuhi, begitu juga menurut peruntukan perundangan Islam di Malaysia yang tidak menghadkan mana-mana orang yang bermastautin di mana-mana negeri di Malaysia untuk berkahwin di tempat selain daripada tempat permastautinan dengan syarat telah memenuhi keperluan rukun perkahwinan dan juga mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa agama Islam negeri. Oleh yang demikian setiap orang yang ingin mengadakan perkahwinan perlulah untuk mendapatkan kebenaran seperti yang diperuntukan di dalam Seksyen 19 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (selepas ini disebut sebagai AUKI) :

Tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan melainkan suatu kebenaran berkahwin telah diberi—

(a) oleh Pendaftar di bawah seksyen 17 atau oleh Hakim Syarie di bawah seksyen 18, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan; atau

(b) oleh pihak berkuasa yang sepatutnya bagi sesuatu Negeri, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin di Negeri itu.

Setelah kebenaran diperolehi daripada Pendaftar, maka barulah pasangan yang memohon kebenaran untuk berkahwin tersebut diakad nikahkan mengikut Hukum Syarak. Hal yang sama juga berlaku kepada mereka yang berhasrat untuk mengadakan perkahwinan di luar negara. Pasangan tersebut perlu untuk memohon kebenaran daripada Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat konsul Malaysia yang dilantik menggantikan tugas-tugas sebagai Pendaftar untuk negeri di mana pasangan itu bermastautin atau salah satu pihak kepada pasangan tersebut bermastautin.

Sungguhpun begitu, pihak-pihak yang telah berkahwin di luar negara tanpa merekodkan pendaftaran kepada Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat konsul Malaysia yang dilantik oleh kerajaan Malaysia hendaklah mendaftarkan perkahwinan mereka dalam masa enam bulan selepas tarikh perkahwinan di hadapan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam yang paling berhampiran dan paling mudah didapati di luar negeri dan pendaftaran tersebut hendaklah disifatkan sebagai pendaftaran yang mengikuti peruntukan perundangan Islam di Malaysia. Namun begitu, jika dalam tempoh enam bulan dan pihak-pihak dalam perkahwinan tersebut pulang ke Malaysia dan masih lagi belum mendaftarkan perkahwinan mereka, maka kedua-dua pihak atau salah satu pihak dalam perkahwinan tersebut hendaklah datang di hadapan pendaftar dalam negeri tempat bermastautin untuk mendaftarkan perkahwinan mereka (*Seksyen 31 AUKI*).

Pihak-pihak tersebut perlulah mengemukakan kepada Pendaftar surat perakuan nikah atau apa-apa bentuk keterangan sama ada lisan atau dokumen, apa-apa butir yang wajar dan membuat permohonan serta membuat akuan untuk membuktikan bahawa perkahwinan tersebut berlaku mengikut hukum syarak. Pada asalnya, kedua-dua pihak perlu hadir dalam permohonan pengesahan pernikahan ini, namun dibenarkan salah satu pihak untuk dikecualikan kehadiran sewaktu perbicaraan tersebut dengan mengemukakan alasan yang munsabah memberitahu sebab-sebab tidak dapat hadir.

Pada asasnya, kesemua pernikahan yang dibuat tanpa kebenaran tidak dibenarkan untuk didaftarkan kerana khuatir berlaku pernikahan yang tidak mengikut peraturan agama Islam yang menghendaki rukun-rukun pernikahan dipenuhi. Pernikahan yang berlaku di luar negara tanpa kebenaran kebiasaananya terdedah kepada aktiviti pernikahan sindiket yang menggunakan individu yang tidak mempunyai tauliah sebagai wali raja untuk menjadi sebagai wali dalam pernikahan tersebut. Namun begitu, pasangan yang berkahwin di luar negara tanpa kebenaran, mereka dibenarkan untuk mendaftarkan perkahwinan mereka namun perlu untuk mendapatkan perintah mahkamah terlebih dahulu seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 12 AUKI :

(1) Suatu perkahwinan yang melanggar dengan Akta ini tidak boleh didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1) dan tanpa menjaskan subseksyen 40(2), sesuatu perkahwinan yang telah diupacarakan berlawanan dengan mana-mana peruntukan

Bahagian ini tetapi sebaliknya sah mengikut Hukum Syarak boleh didaftarkan di bawah Akta ini dengan perintah daripada Mahkamah.

Kebenaran untuk mendaftar melalui perintah mahkamah ini dibuat kerana untuk memastikan bahawa pernikahan tersebut telah berlaku mengikut Hukum Syarak. Oleh yang demikian, artikel ini mendapati bahawa pihak-pihak perlu mengemukakan permohonan pengesahan nikah di Mahkamah Syariah bagi memperolehi perintah tersebut. Untuk itu, pihak-pihak hendaklah mengemukakan keterangan yang boleh menyakinkan mahkamah bahawa rukun-rukun pernikahan telah dipenuhi yang melayakkan perkahwinan tersebut didaftarkan.

5. Pembuktian Pengesahan Nikah di Mahkamah Syariah

Untuk mendaftarkan perkahwinan yang berlaku di luar negara tanpa kebenaran, maka pihak-pihak dalam perkahwinan perlu membawa keterangan yang secukupnya dan jelas untuk membuktikan bahawa perkahwinan itu berlaku mengikut Hukum Syarak. Dalam membuktikan sesuatu dakwaan, Islam telah mensyaratkan bahawa setiap orang yang menuntut hendaklah membuktikan keterangannya. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa jenis bentuk keterangan yang telah dinyatakan dalam perundangan Islam seperti *syahadah*, *bayyinah*, dokumen, *iqrar*, sumpah dan pendapat pakar.

Oleh itu, sekiranya pihak-pihak mengemukakan keterangan saksi hendaklah segala pernyataan yang dibuat oleh saksi itu berhubung perkara yang dibenarkan dan dikehendaki oleh mahkamah yang mempunyai kaitan dengan fakta-fakta yang dibicarakan, pernyataan ini dianggap sebagai keterangan lisan. Manakala mana-mana dokumen yang dikemukakan di mahkamah sewaktu perbicaraan dianggap sebagai keterangan berbentuk dokumentar. Segala fakta-fakta yang berkaitan secara umumnya hendaklah dibuktikan melalui keterangan lisan melainkan kandungan dokumen. Oleh yang demikian, menurut Seksyen 47 Akta Keterangan Mahkamah Syariah segala pernyataan yang dinyatakan oleh para saksi boleh dikemukakan di mahkamah sekiranya mengikut bentuk-bentuk keterangan lisan seperti yang berikut :

- (a) jika ia merujuk kepada fakta yang boleh dilihat, maka ia mestilah keterangan saksi yang mengatakan dia telah melihat fakta itu;
- (b) jika ia merujuk kepada fakta yang boleh didengar, maka ia mestilah keterangan saksi yang mengatakan dia telah mendengar fakta itu;
- (c) jika ia merujuk kepada fakta yang boleh ditanggap melalui mana-mana deria rasa yang lain atau dengan apa-apa cara yang lain, maka ia mestilah keterangan saksi yang mengatakan dia telah menanggapnya dengan deria rasa itu atau dengan cara itu;
- (d) jika ia merujuk kepada pendapat atau alasan yang berasaskannya pendapat itu dipegang, maka ia mestilah keterangan orang yang berpegang pada pendapat itu atas alasan itu.

Selain daripada membawa saksi, pembuktian dalam kes permohonan pengesahan nikah adalah membabitkan pengemukaan keterangan berbentuk dokumen. Undang-undang keterangan Islam di Mahkamah Syariah telah memperuntukan mengenai keterangan dokumen yang dikategorikan sebagai dokumen awam dan dokumen persendirian. Menurut Seksyen 57 Akta Keterangan Mahkamah Syariah, jenis-jenis dokumen awam adalah seperti yang berikut:

- (a) dokumen yang mengandungi tindakan atau rekod tindakan-
- (i) kuasa pemerintah berdaulat;
 - (ii) badan rasmi dan tribunal; dan
 - (iii) pegawai awam, perundangan, kehakiman dan eksekutif, sama ada bagi Persekutuan atau Negeri atau bagi sesuatu negara asing; dan
- (b) rekod awam yang disimpan di Malaysia mengenai dokumen persendirian.

Manakala, dokumen persendirian pula adalah selain daripada jenis-jenis dokumen awam yang disebutkan sebelum ini seperti surat-surat tidak rasmi, surat-surat melalui faks dan catatan perniagaan. Kandungan dokumen-dokumen ini boleh dibuktikan sama ada melalui cara keterangan primer atau keterangan sekunder. Keterangan primer merupakan keterangan daripada kandungan asal dokumen manakala keterangan sekunder pula adalah keterangan daripada salinan kandungan asal dokumen. Namun, keterangan dokumen awam ini tidak perlu dibuktikan dan boleh dijadikan asas kepada pendakwaan atau pembelaan sekiranya telah memenuhi syarat-syarat tertentu seperti hendaklah dokumen tersebut dikeluarkan oleh penjawat awam atau pegawai-pegawai khas yang dilantik oleh kerajaan, dokumen tersebut dikeluarkan oleh pegawai yang mempunyai bidangkuasa khusus mengenai dokumen yang dikeluarkan dan dokumen tersebut juga perlu menepati ciri-ciri dokumen awam mengikut peruntukan undang-undang seperti ditulis dengan bahasa kebangsaan, ditandatangani oleh pegawai-pegawai atau pihak yang berautoriti, nama pihak-pihak atau wakil, maklumat-maklumat lain yang berkaitan dan mengandungi tarikh yang jelas dokumen itu dikeluarkan (*Wan Abdul Fattah, Zulfakar, 2013*).

Adalah menjadi tanggungjawab pihak yang mendakwa untuk membawa keterangan, tugas ini jelas terletak kepada pihak yang mendakwa seperti yang dikehendaki dalam Seksyen 72 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (selepas ini disebut sebagai AKMS), beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-Mudda'i*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-Mudda'a 'alaih*) (Amin, 2005). Oleh yang demikian, pembuktian adalah suatu proses prosiding mahkamah yang penting untuk menentukan kebolehterimaan sesuatu tuntutan di mahkamah. Jadi, pembuktian yang baik bergantung kepada keterangan yang dikemukakan. Ini bermakna jika terdapat percanggahan antara pembuktian dengan dakwaan, maka pembuktian tidak boleh diterima kerana tidak ada kesinambungan di antara kedua-duanya.

Hampir keseluruhan para ulama berpendapat bahawa pembuktian yang kuat adalah daripada keterangan berbentuk *syahadah* dan *iqrar*. Sungguhpun begitu bukti yang diperolehi daripada kesaksian yang bertaraf *bayyinah* masih lagi boleh diterima di mahkamah namun perlu disokong dengan bentuk keterangan yang lain. Ini bermakna selain daripada *syahadah* dan *iqrar*, keterangan tersebut perlulah disokong supaya ia dapat diterima oleh hakim sebagai satu dakwaan yang jelas dan berasas (*Ahmad Azam, 2011*). Menurut seksyen 83 (1) AKMS, memperuntukan berkaitan syarat-syarat saksi sebagai diterima sebagai keterangan bertaraf *syahadah*:

Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan syahadah atau bayyinah sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah 'aqil, baligh, 'adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Oleh yang demikian, sekiranya seseorang saksi itu tidak memenuhi syarat yang dinyatakan seperti beragama Islam, aqil baligh, adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka maka berkompeten untuk memberikan kesaksian sebagai *bayyinah*. Seksyen 86 AKMS juga menerangkan bahawa bilangan saksi yang diperlukan bagi kes permohonan pengesahan nikah adalah sebanyak dua orang lelaki sahaja, manakala bagi kes seperti mendakwa diri sebagai orang kaya (tiga orang saksi lelaki), seorang kaya telah menjadi miskin (tiga orang saksi lelaki), melihat anak bulan (seorang saksi lelaki) dan hal-hal berkaitan perempuan (seorang perempuan).

Secara umum, di dalam kes mal, pihak yang perlu membuktikan keterangan adalah pihak yang mendakwa sesuatu perkara itu wujud (*Amin, 2005*). Dengan ini, adalah menjadi tanggungjawab kepada pemohon (pihak yang mefaikan permohonan pengesahan nikah) untuk membuktikan perkahwinan mereka wujud dengan mengemukakan bukti-bukti yang jelas seperti saksi dan dokumen-dokumen berkaitan. Islam juga menekankan kategori saksi bertaraf *syahadah* dalam membuktikan mana-mana jenis tuntutan, namun sekiranya saksi *syahadah* ini tidak dapat di bawa, mahkamah masih lagi boleh untuk menerima keterangan saksi yang bertaraf *bayyinah* dengan syarat perlu disokong dengan bentuk keterangan lain sama ada secara *qarinah* atau dokumen (*Ahmad Azam, 2011*).

Pelbagai jenis bentuk keterangan yang boleh dibawa oleh pihak-pihak ke hadapan mahkamah untuk membuktikan bahawa pernikahan telah berlaku mengikut Hukum Syarak. Jesteru itu, setiap rukun nikah itu perlu dibuktikan telah dipenuhi melalui keterangan-keterangan dan bukti-bukti yang berkaitan. Sebaik sahaja kesemua rukun telah dibuktikan dengan keterangan yang jelas dan baik, hakim akan mengeluarkan perintah pensabitan bahawa pernikahan pihak-pihak tersebut adalah sah mengikut Hukum Syarak. Walaubagaimanapun, dalam isu perkahwinan di luar negara tanpa kebenaran adalah diragui kesahihan perkahwinan dan ini adalah alasan mengapa proses pengesahan penikahan tersebut perlu dibuat sebelum dibenarkan pendaftarannya. Malahan, pembuktian yang jelas dan ketat perlu dikemukakan berbanding untuk mendaftarkan perkahwinan di luar negara yang mendapat kebenaran dengan hanya perlu mengemukakan dokumen pernikahan (surat pengesahan konsulat) sahaja kerana perkahwinan ini (yang mendapatkan kebenaran) tidak mempunyai sebarang keraguan mengenai syarat pernikahan yang perlu dipenuhi.

Sungguhpun begitu, pada kebiasaananya saksi-saksi yang dikemukakan di dalam kes pengesahan nikah ini adalah saksi-saksi yang melihat kejadian pernikahan itu berlaku, antara perkara yang disaksikan adalah berkaitan rukun nikah seperti wujudnya *ijab* dan *qabul*, pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali raja dan keadaan perkahwinan tersebut berlangsung. Keterangan-keterangan yang dikemukakan ini akan disokong oleh bentuk keterangan lain seperti keterangan dokumen iaitu surat keterangan nikah dan surat pengesahan pernikahan (surat konsulat).

Namun begitu, artikel ini mendapati bahawa tiada sebarang panduan atau prosiding operasi standard (SOP) dalam penerimaan keterangan surat pengesahan konsulat oleh para Hakim Syarie dalam mengesahkan perkahwinan pihak-pihak yang berkahwin di luar negara tanpa kebenaran. Ketiadaan SOP ini mengakibatkan pemahaman yang berbeza di kalangan para hakim dengan menggunakan *ijtihad* masing-masing dalam mempertimbangkan segala fakta

dan dokumen (suarat pengesahan konsulat) yang dikemukakan oleh pihak-pihak dalam permohonan pengesahan nikah. Kesannya membawa kepada bentuk penerimaan keterangan yang berbeza dalam membuat sabitan atau perintah mahkamah antara satu kes dengan satu kes yang lain.

6. Keperluan Surat Konsulat Dalam Pembuktian Pengesahan Nikah: Permasalahan Dan Dapatan Kajian

Artikel ini membincangkan keperluan surat konsulat dalam permohonan pengesahan nikah di Mahkamah Syariah. Antara objektif artikel ini adalah untuk mengkaji:

- a) pelaksanaan berkaitan pendaftaran dan pembuktian dalam perkahwinan di luar negara yang berlaku tanpa kebenaran di Mahkamah Syariah.
- b) mengenal pasti kelompongan yang ada dalam pelaksanaan terbabit.
- c) mencadangkan penambahbaikan terhadap pelaksanaan terbabit.

Untuk itu, artikel ini telah meneliti beberapa kes berkaitan dengan pengesahan pernikahan, antaranya adalah kes *Azura binti Dana lwn Mohd Zulkefli bin Salleh*, dalam kes ini pembuktian terhadap rukun nikah iaitu lafadz dan *ijab* dan *qabul* dibuktikan melalui keterangan berbentuk dokumen (surat nikah) dan sama ada wali yang menikahkan perkahwinan itu mempunyai tauliah daripada ketua atau raja Thailand dibuktikan melalui keterangan *ilm al-qadi*, iaitu berdasarkan pengetahuan hakim yang mengetahui bahawa wali tersebut telah dikurniakan tauliah sebagai wali raja.

Manakala dalam kes *Rukman bin Mustapha*, surat keterangan nikah dan surat senarai imam yang bertauliah daripada Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat digunakan sebagai pembuktian untuk mengesahkan rukun wali raja itu menepati kehendak Hukum Syarak. Ini bermakna, tiada keperluan kepada surat konsulat untuk dikemukakan di dalam kes ini memandangkan pensabitan pernikahan telah berlaku dengan hanya pengemukaan dokumen surat nikah dan pengetahuan hakim sahaja.

Seterusnya, jika diperhatikan di dalam kes *Haji Mohamed lwn Bahrunnasran dan Mazlianah binti Mohamed*, pembuktian sama ada wali pernikahan mempunyai tauliah daripada raja dibuktikan melalui keterangan daripada saksi kedua di dalam kes ini. Walaubagaimanapun, hakim di dalam kes ini telah mensabitkan bahawa pernikahan pihak-pihak dibatalkan kerana tidak sekufu (setaraf). Sungguhpun begitu, kes ini juga menunjukkan bahawa, tidak ada keperluan kepada surat konsulat dalam membuktikan bahawa nikah tersebut berlaku mengikut Hukum syarak.

Walaubagaimanapun, telah diputuskan berlainan dalam kes *Pendakwa Syarie Kelantan lwn Mat Rahim dan Nik Azimah*, apabila hakim memutuskan bahawa tertuduh telah berkahwin di Thailand secara sah berdasarkan keterangan berbentuk dokumen melalui surat keterangan nikah Thailand dan surat keterangan pengesahan nikah (surat konsulat). Asas yang digunakan hakim bahawa surat-surat tersebut merupakan suatu dokumen awam yang tidak boleh dipertikaikan kesahihannya. Ini bermakna, dengan hanya menggunakan dokumen-dokumen tersebut sahaja sudah mencukupi untuk membuktikan bahawa pernikahan telah berlaku mengikut Hukum syarak.

Berdasarkan kepada kes-kes permohonan pengesahan nikah dan jenayah syariah membatikan pengesahan perkahwinan di atas, terdapat hakim yang boleh untuk menerima keterangan dan membenarkan pensabitan pernikahan pihak-pihak melalui pengemukaan

keterangan berbentuk dokumen (surat konsulat) sahaja. Manakala ada hakim yang boleh menerima keterangan saksi sahaja dan terdapat para hakim yang hanya menerima keterangan saksi dengan keterangan sokongan (dokumen surat konsulat). Walaupun terdapat ruang kepada para hakim dalam *berijihad* seperti yang diperuntukan dalam Seksyen 130 AKMS, namun seharusnya ruang tersebut tidak membawa kepada pemahaman yang berbeza. Ini kerana ditakutinya sekiranya ruang yang terlalu besar ini boleh mengakibatkan kepada kesilapan dalam mensabitkan pernikahan pihak-pihak.

Artikel ini mendapati bahawa, setiap pernikahan yang berlaku tanpa kebenaran perlu melalui proses pengesahan nikah bagi membolehkan pihak berkuasa untuk mendaftarkan pernikahan tersebut mengikut kehendak undang-undang. Proses pengesahan nikah ini dibuat bagi mendapatkan perintah mahkamah supaya pernikahan ini dapat disabitkan sah berlaku mengikut Hukum Syarak dengan memenuhi rukun pernikahan dengan sempurna. Sehubungan dengan itu, pihak-pihak perlu membawa bukti-buktii yang menyakinkan mahkamah bahawa pernikahan tersebut telah memenuhi rukun nikah dan melayakkannya untuk didaftarkan. Walaubagaimanapun, keadaan fakta kes yang berbeza menyebabkan para hakim menggunakan pendekatan berlainan dalam penerimaan bentuk-bentuk keterangan untuk membuat sabitan pengesahan nikah. Dalam membuat sesuatu sabitan dalam apa jua kes, prinsip keterangan Islam menjelaskan bahawa keterangan termasuklah *syahadah* atau *bayyinah*, keterangan lisan dan keterangan dokumen yang dapat membuktikan sesuatu hak atau kepentingan. Malangnya, didapati tiada suatu peruntukan undang-undang yang menjelaskan bagaimana cara mempertimbangkan penerimaan keterangan surat pengesahan konsulat. Lakuna undang-undang di atas mengakibatkan wujud pemahaman yang berbeza di kalangan para hakim syarie mengenai bagaimana sesuatu surat pengesahan konsulat itu boleh dinilai dan diterima.

7. Kesimpulan

Perkahwinan yang berlaku dengan tidak mengikut kehendak peruntukan perundangan kekeluargaan Islam di Malaysia masih lagi dibenarkan untuk didaftarkan dengan syarat setiap pihak-pihak dalam perkahwinan perlu untuk membuktikan bahawa perkahwinan mereka adalah mengikut Hukum Syarak di Mahkamah Syariah. Dalam mempertimbangkan permohonan pihak-pihak ini untuk mengesahkan perkahwinan mereka sama ada telah dibuat mengikut Hukum Syarak atau pun tidak, hakim akan melihat daripada sudut pembuktian pihak-pihak. Ini bermakna, pihak-pihak ini perlu membawa bentuk-bentuk keterangan yang boleh memberikan gambaran yang jelas dan menyakinkan mahkamah bahawa perkahwinan tersebut berlaku mengikut Hukum Syarak.

Pensabitan pengesahan nikah merupakan satu bentuk pengesahan yang berat pembuktianya kerana kesilapan dalam mengesahkan perkahwinan boleh membawa kepada pelbagai permasalahan lain kepada suami, isteri dan keturunan. Antara permasalahan lain yang timbul adalah seperti berlakunya kelahiran anak *syubhah*, pewarisan harta, nasab dan kedudukan pihak-pihak (suami dan isteri) dalam perkahwinan tersebut. Oleh itu, penambahbaikan perlu dibuat dibuat terhadap proses pembuktian pengesahan nikah dengan mencadangkan perlunya ada satu SOP dalam menilai penerimaan surat pengesahan konsulat.

Rujukan

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

Ahmad Azam Mohd Shariff. 2011. *Prosedur Pendakwaan Jenayah Syariah: Analisis ke Atas Peruntukan Undang-undang di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997*. Jilid 15. Jurnal Undang-undang Masyarakat. Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 1-18.

Amin Al-Jarumi. 2005. *Pembuktian Dalam Shariat Islam*. Ampang Press Sdn Bhd. Kuala Lumpur. Hlm 13.

Azizah Mohd Rapini. 2015. *Ijtihad Dalam Penggubalan Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Di Malaysia : Tumpuan Khusus Terhadap Konsep Syahadah*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015.

Lukman Abdul Mutalib, Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2012. *Al-qarinah Antara Kekuatan dan Keperluan dalam Mensabitkan Kesalahan Jenayah (Zina)*. Jilid Vol 2. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mat Saat Abd Rahman. 2006. *Undang-undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Imtiyaz Multimedia and Publications. Selangor Darul Ehsan. Hlm 17.

Mohamad Som Sujimon, Abdul Basir Mohamad. 2006. *Fikah Kekeluargaan*. Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Hlm 6.

Mohd Radzuan Ibrahim. 2006. *Munakahat Undang-undang & Prosedur*. DRI Publishing House. Selangor Darul Ehsan. Hlm 30.

Noraini Mohd Hashim. 2007. “*Prosedur dan Pendaftaran Perkahwinan*”. Undang-Undang Keluarga Islam. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.

Ruzman Md Noor. 2008. *Kedudukan Syahadah, Bayyinah dan Qarinah dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia*. Jilid 16 Bil 2 Jurnal Syariah. Hlm 1-23.

Wahbah al-Zuhaili. 2001. *al-Fiqh al-Manhaji*. (terj.) Ahmad Shahbari Salamon et.al. Jilid VII. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wahbah al-Zuhaili. 2001. *Fiqh dan Perundangan Islam*. (terj.) Jilid VII. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd. Jilid 4. Hlm 49.

Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Zulfakar Ramlee. 2013. *Keterangan Melalui Kitabah: Menurut Fiqh dan Undang-undang Semasa di Malaysia*. Jilid 17 Jurnal undang-undang Masyarakat. Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 1-11.

Temu bual bersama Peguam Syarie di Tetuan Nuaim Majemi & Partners, Tn Muhammad Nua'im Majemi pada 2 November 2016 (Selasa), jam 3:00 petang, di Tetuan Nuaim Majemi & Partners.

Temu bual bersama Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Tn Ahmad Basyir Yaakub pada 3 November 2016 (Rabu), jam 4:00 petang, di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Temu bual Melalui Telefon dengan Tn Wahid Hashim Abd Rahman, Peguam Syarie di Tetuan Irsamuddin Fitri & Associates, pada 2 November 2016, jam 6.15 petang.